

PENENTUAN KADAR MUT'AH MENURUT SEKSYEN 56 AKTA UNDANG UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984: KAJIAN TERHADAP AMALAN DAN PENTAFSIRAN DI MAHKAMAH SYARIAH

JUDICIAL DETERMINATION OF MUT'AH UNDER SECTION 56 OF THE ISLAMIC FAMILY LAW (FEDERAL TERRITORIES) ACT 1984: AN ANALYSIS OF INTERPRETATIVE APPROACHES AND JUDICIAL PRACTICE IN THE SYARIAH COURTS

ⁱ. Rabiatul Nadiah Ridzuan, ^{ii.*} Nadiah Hj. Mohd Zin

ⁱⁱⁱ. Fakulti Undang-Undang, Governan dan Hubungan Antarabangsang, Universiti Islam Melaka

*(Corresponding author) e-mail: nadiah_mohdzin@unimel.edu.my

ABSTRACT

This study examines the inconsistency in determining the amount of mut'ah under Section 56 of Act 303 with three main objectives: to examine the concept of mut'ah according to Islam and the law, to analyse the factors considered by the court, and to propose a reference guideline. The study adopts a doctrinal research design with a qualitative approach through case analysis from the year 2000 to the present and semi-structured interviews with two officers of the Federal Territories Syariah Court, namely the Registrar who is also a former judge and the Head of the Sulh Section. Thematic analysis found that the absence of a specific practice directive has led to variations in decisions; thus, informants supported the need for a persuasive guideline. The factors determining the amount of mut'ah are divided into two categories: explicit factors such as the husband's financial capacity, the wife's condition, maintenance records, and prior gifts; and implicit factors such as the wife's contributions, psychosocial impact, and substantive justice. The common implementation is in the form of instalments with a fixed end date, and arrears are considered debts that can be enforced. The study proposes a new practice direction that maintains Section 56 while aligning with the principles of Islamic law and the realities of the Federal Territories Syariah Court. It also complies with research ethics through informed consent, confidentiality of interview transcripts, and a declaration of no conflict of interest or funding.

Keywords: *Mut'ah, Section 56 Act 303, Guidelines, Federal Territories Syariah Court.*

ABSTRAK

Kajian ini meneliti ketidakseragaman dalam penentuan kadar mut'ah di bawah Seksyen 56 Akta 303 dengan tiga objektif utama iaitu mengkaji konsep mut'ah menurut Islam dan undang-undang, menganalisis faktor pertimbangan mahkamah serta mencadangkan garis panduan rujukan. Kajian menggunakan reka bentuk doktrinal berpendekatan kualitatif melalui analisis kes dari tahun 2000 hingga kini dan temu bual separa berstruktur bersama dua pegawai Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan iaitu Pendaftar yang juga mantan hakim dan Ketua Seksyen Sulh. Hasil analisis tematik mendapati tiada arahan amalan khusus yang menyebabkan wujudnya variasi keputusan, justeru informan menyokong keperluan garis panduan persuasif. Faktor penentuan kadar mut'ah merangkumi dua kategori iaitu faktor tersurat seperti kemampuan suami, keadaan isteri, rekod nafkah dan pemberian terdahulu serta faktor tersirat seperti sumbangan isteri, kesan psikososial dan keadilan substantif. Pelaksanaan lazim berbentuk ansuran dengan tarikh tamat dan tunggakan dikira sebagai hutang yang boleh dikuatkuasakan. Kajian mencadangkan arahan amalan baharu yang mengekalkan Seksyen 56 berasaskan prinsip Hukum Syarak dan realiti Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan serta mematuhi etika penyelidikan melalui persetujuan dimaklumkan, penyimpanan transkrip secara sulit dan pengesahan tiada konflik kepentingan atau pembiayaan.

Kata kunci: *Mut'ah, Seksyen 56 Akta 303, Garis Panduan, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.*

Pendahuluan

Agama Islam secara jelas mengangkat martabat wanita dan mengiktiraf hak-hak asasi mereka sebagai manusia yang sempurna. Ia turut meletakkan tanggungjawab menjaga dan memelihara wanita di bahu lelaki sama ada oleh wali sebelum perkahwinan mahupun oleh suami selepas perkahwinan (Mohd Sabree Nasri, Mohd Shauqi Saiful Suhardi dan Mohamad Afandi Md Ismail 2020). Dalam konteks hak isteri selepas perceraian, mut'ah merupakan salah satu hak yang diberikan kepada wanita dan diiktiraf oleh Hukum Syarak serta turut diperuntukkan dalam undang-undang keluarga Islam di Malaysia (Abdul Halim Zulkifli 2019).

Di Wilayah Persekutuan, Seksyen 56 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 atau Akta 303 memberikan kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk memerintahkan bekas suami membayar sejumlah wang yang munasabah dan wajar mengikut Hukum Syarak ke atas isteri yang telah dicerai tanpa sebab yang patut. Walau bagaimanapun, walaupun Seksyen 56 Akta 303 dilihat komprehensif, peruntukan tersebut tidak menetapkan parameter atau garis panduan secara terperinci mengenai faktor atau kaedah penentuan kadar mut'ah. Ketiadaan instrumen sokongan ini telah membuka ruang kepada penggunaan budi bicara yang meluas oleh Hakim Syarie yang seterusnya mewujudkan isu ketidakseragaman atau variasi yang ketara dalam kadar mut'ah yang diperintahkan. Tambahan lagi, jika dibandingkan dengan Arahan Amalan No. 5 Tahun 2019 (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia 2019) yang wujud bagi Garis Panduan Skala Pentaksiran Jumlah Nafkah Anak menunjukkan wujudnya jurang dalam pelaksanaan undang-undang yang perlu diberi perhatian serius.

Sehubungan dengan itu, permasalahan berkaitan penentuan kadar mut'ah perlu diberi perhatian serius kerana tanpa garis panduan yang jelas, ia boleh menimbulkan keraguan terhadap sejauh mana keputusan mahkamah benar-benar berpanduan kepada peruntukan Seksyen 56. Oleh itu, perlu ada usaha ke arah mewujudkan satu penambahbaikan yang difikir sesuai untuk menyelesaikan permasalahan ini, sama ada ia dibuat melalui pindaan seksyen tersebut atau menggubal satu arahan amalan baharu agar penentuan kadar mut'ah di Mahkamah Syariah dapat dijadikan sebagai penanda aras yang lebih teratur, konsisten dan menepati prinsip Hukum Syarak.

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan undang-undang doktrinal dengan pendekatan kualitatif yang memfokuskan kepada analisis peruntukan Seksyen 56 Akta 303 serta pentafsiran dan pelaksanaannya dalam amalan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. Reka bentuk ini membolehkan penyelidik meneliti secara mendalam prinsip Hukum Syarak dan pandangan kitab fiqh muktabar daripada Mazhab Syafi'i berkaitan dengan pemberian mut'ah. Kajian ini turut menggabungkan pendekatan doktrinal dan kualitatif melalui dua kaedah utama iaitu kaedah kepustakaan dan temu bual separa berstruktur. Kaedah kepustakaan meliputi analisis statut perundangan serta laporan kes mahkamah terpilih dari tahun 2000 hingga terkini.

Bagi komponen kualitatif, dua sesi temu bual separa berstruktur telah dijalankan dengan pegawai Mahkamah Syariah yang berkaitan iaitu Pendaftar Seksyen Pengurusan Kes yang merupakan mantan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Sabah dan Wilayah Persekutuan serta Pegawai Sulh yang juga Ketua Seksyen Sulh. Sesi temu bual dilaksanakan melalui panggilan telefon dan temu bual atas talian dan setiap sesi telah dirakam, ditranskripsi serta dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Prosedur analisis dilaksanakan dengan membaca transkrip secara berulang dan mengkod data secara induktif ke dalam tema-tema utama seperti ketiadaan arahan amalan khusus mut'ah, faktor penentuan kadar mut'ah sama ada tersurat atau tersirat, kaedah pembayaran dan penguatkuasaan, pertimbangan kebajikan serta ruang ijtihad hakim. Kesahan dalaman diperkukuh melalui triangulasi antara data temu bual dengan alasan penghakiman dan bahan undang-undang bertulis serta semakan silang kod oleh penyelidik.

Dari sudut pertimbangan etika, keizinan dan maklum balas lisan telah diperoleh daripada setiap informan sebelum sesi temu bual dijalankan. Identiti informan dirahsiakan, manakala semua data penyelidikan termasuk rakaman dan transkrip disimpan secara terkawal dan hanya digunakan bagi tujuan akademik serta penyelidikan ini.

Dapatan Kajian

Hasil analisis ini diperoleh melalui analisis tematik terhadap transkrip temu bual separa berstruktur bersama dua orang informan iaitu Tuan Mohd Amir, Pendaftar Seksyen Pengurusan Kes (Mantan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Sabah dan Wilayah Persekutuan) serta Tuan Dr. Ahmad Mukhlis, Ketua Seksyen Sulh di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. Hasil analisis ini merumuskan faktor-faktor pertimbangan mahkamah yang dikategorikan kepada faktor tersurat, faktor tersirat dan amalan pelaksanaan kadar mut'ah. Dapatan utama diringkaskan dalam Jadual 1, Jadual 2 dan Jadual 3 sahaja. Manakala Jadual 4 adalah rentetan berdasarkan Jadual 3.

1. Faktor Tersurat

Faktor tersurat ialah faktor yang boleh dibuktikan secara jelas melalui dokumen, keterangan atau data kewangan pihak-pihak. Antara faktor utama yang dikenal pasti ialah kemampuan dan komitmen kewangan suami, tempoh dan keadaan perkahwinan, keadaan isteri selepas perceraian serta rekod nafkah dan tanggungjawab suami sebelum perceraian.

Menurut Tuan Mohd Amir: *"Hakim akan meneliti kemampuan sebenar suami pada masa tuntutan dibuat. Kalau ada tanggungan lain atau pendapatan rendah, kadar mut'ah mesti disesuaikan supaya tidak menzalimi mana-mana pihak."*

Analisis kes seperti Melor binti Ripin lwn Mohd Najuib bin Abu Hasan (2020) menunjukkan bahawa mahkamah mengambil kira kemampuan dan komitmen kewangan suami serta keadaan isteri selepas perceraian. Manakala dalam kes Aminah binti Mohktar lwn Zakaria bin Yahya (2009) pula, kadar mut'ah dikurangkan bagi menyesuaikan dengan kemampuan sebenar suami dan fakta kes.

Jadual 1: Faktor Tersurat dalam Penentuan Kadar Mut'ah

Nombor	Faktor Tersurat	Huraian Ringkas	Contoh Kes (Sahih)
1	Kemampuan dan komitmen kewangan suami	Penilaian dibuat berdasarkan pendapatan, aset dan tanggungan semasa bagi memastikan kadar mut'ah tidak membebankan tetapi adil.	<i>Aminah binti Mohktar lwn Zakaria bin Yahya (2009)</i>
2	Tempoh dan keadaan perkahwinan	Tempoh yang panjang atau perkahwinan yang stabil sering membawa kepada kadar mut'ah yang lebih tinggi.	<i>Melor binti Ripin lwn Mohd Najuib bin Abu Hasan (2020)</i>
3	Keadaan isteri selepas perceraian	Merangkumi taraf hidup, beban tanggungan dan kemampuan bekerja selepas perceraian.	<i>Faridah Sulaiman lwn Mohd Noh Othman (2005)</i>
4	Rekod nafkah dan tanggungjawab suami sebelum perceraian	Sekiranya suami menunaikan tanggungjawab nafkah dengan baik, kadar mut'ah akan disesuaikan dengan kadar sederhana.	<i>Syed Farouk Azlan Syed Abdul Aziz lwn Rooseliwati Hussein (2015)</i>

2. Faktor Tersirat

Faktor tersirat pula melibatkan elemen moral, emosi dan sosial yang tidak dapat diukur secara langsung tetapi tetap mempengaruhi keadilan pemberian mut'ah. Antara faktor tersirat ialah budi dan sumbangan bukan kewangan isteri, kesan psikososial perceraian terhadap isteri dan prinsip kebajikan dan ihsan berdasarkan maqasid syariah (masalahah).

Menurut Tuan Dr. Ahmad Mukhlis: “Walaupun isteri tidak bekerja, jasa dan pengorbanannya mengurus rumah tangga dan membesarkan anak-anak mesti diambil kira. Mut'ah bukan sekadar pampasan tapi tanda penghargaan terhadap peranan isteri.”

Contohnya dalam kes Piah binti Daud lwn Syed Abdullah bin Syed Abu Bakar (2007), mahkamah mempertimbangkan sumbangan moral dan bukan kewangan isteri sebagai asas kepada jumlah mut'ah yang munasabah.

Jadual 2: Faktor Tersirat dalam Penentuan Kadar Mut'ah

Nombor	Faktor Tersirat	Huraian Ringkas	Contoh Kes (Sahih)
1	Budi dan sumbangan bukan kewangan isteri	Sumbangan moral dan pengorbanan isteri sepanjang perkahwinan diberi nilai dalam menentukan kadar mut'ah.	<i>Piah binti Daud lwn Syed Abdullah bin Syed Abu Bakar (2007)</i>
2	Kesan psikososial perceraian terhadap isteri	Mahkamah menilai kesan emosi, tekanan sosial dan implikasi maruah selepas perceraian.	<i>Melor binti Ripin lwn Mohd Najuib bin Abu Hasan (2020)</i>
3	Prinsip kebajikan dan ihsan berdasarkan	Mut'ah dilihat sebagai lambang penghargaan dan keadilan berasaskan maqasid	<i>Faridah Sulaiman lwn Mohd Noh Othman (2005)</i>

maqasid syariah	syariah.
(masalah)	

3. Amalan dan Penguatkuasaan Mut'ah

Kedua-dua informan bersetuju bahawa sehingga kini tiada Arahan Amalan khusus bagi penentuan kadar mut'ah di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. Hal ini menyebabkan perbezaan pendekatan antara hakim.

Menurut Tuan Mohd Amir: *“Belum ada garis panduan yang tetap. Hakim menggunakan budi bicara mengikut fakta dan keupayaan pihak-pihak. Tapi kalau ada arahan amalan yang bersifat panduan, ia boleh bantu hakim seragamkan keputusan.”*

Dapatan juga menunjukkan bahawa amalan pembayaran secara ansuran dengan tarikh tamat (cut-off date) kerap digunakan bagi mengurangkan beban suami, sementara tunggakan dianggap hutang yang boleh dikuatkuasakan melalui prosiding Mahkamah Syariah.

Jadual 3: Amalan dan Penguatkuasaan Mut'ah di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan

Nombor	Aspek Amalan / Penguatkuasaan	Huraian Ringkas	Sumber / Petikan Informan
1	Ketiadaan Arahan Amalan Khusus	Tiada garis panduan rasmi yang mengikat hakim dalam menentukan kadar mut'ah, menyebabkan perbezaan tafsiran dan keputusan antara hakim.	“Belum ada garis panduan yang tetap. Hakim menggunakan budi bicara mengikut fakta dan keupayaan pihak-pihak.” — Tuan Mohd Amir, Pendaftar Seksyen Pengurusan Kes
2	Keperluan Arahan Amalan Persuasif	Keperluan untuk ada panduan bersifat tidak mengikat bagi membantu hakim menyeragamkan pertimbangan tanpa menafikan ruang ijtihad.	“Kalau ada arahan amalan yang bersifat panduan, ia boleh bantu hakim seragamkan keputusan.” — Tuan Mohd Amir
3	Kaedah Pembayaran Ansuran (Cut-off Date)	Mahkamah lazimnya membenarkan pembayaran secara ansuran dengan tempoh tamat tertentu. Ini memberi ruang kepada suami membayar mengikut kemampuan.	“Ansuran dibenarkan supaya tidak membebankan tapi apabila tempoh tamat tiba, baki dianggap hutang yang boleh dikuatkuasakan.” — Tuan Dr. Ahmad Mukhlis, Ketua Seksyen Sulh
4	Penguatkuasaan Tunggakan Mut'ah	Tunggakan mut'ah dianggap hutang yang boleh dikuatkuasakan melalui prosiding Mahkamah Syariah, termasuk tindakan penguatkuasaan sivil.	Berdasarkan alasan penghakiman dan pengesahan informan bahawa tunggakan dikira sebagai hutang sah di sisi undang-undang syariah.

5	Ketiadaan Arahan Amalan Khusus	Tiada garis panduan rasmi yang mengikat hakim dalam menentukan kadar mut'ah, menyebabkan perbezaan tafsiran dan keputusan antara hakim.	“Belum ada garis panduan yang tetap. Hakim menggunakan budi bicara mengikut fakta dan keupayaan pihak-pihak.” — Tuan Mohd Amir, Pendaftar Seksyen Pengurusan Kes
---	--------------------------------	---	---

Selain amalan dan penguatkuasaan tersebut, hasil kajian turut mendapati terdapat beberapa kaedah pembayaran mut'ah yang diamalkan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan sebagaimana diringkaskan dalam Jadual 4 berikut:

Jadual 4: Ringkasan Amalan dan Kaedah Pembayaran Kadar Mut'ah di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan

Nombor	Kaedah Pembayaran	Huraian Ringkas	Justifikasi / Sumber
1	Bayaran Sekaligus (<i>Lump Sum</i>)	Kaedah utama yang disarankan oleh mahkamah sekiranya suami berkemampuan membayar jumlah penuh mut'ah pada tarikh penghakiman.	Diamalkan dalam kes yang melibatkan suami berpendapatan tetap dan tiada tanggungan berat. Disahkan oleh Tuan Mohd Amir dalam temu bual.
2	Bayaran Ansuran (<i>Instalment Payment</i>)	Dibenarkan dalam keadaan suami mempunyai kekangan kewangan. Mahkamah akan menetapkan jumlah ansuran bulanan serta tempoh bayaran yang munasabah.	Tuan Dr. Ahmad Mukhlis menjelaskan bahawa “kaedah ansuran lebih praktikal bagi suami yang berpendapatan sederhana, dengan tarikh tamat (<i>cut-off date</i>) ditetapkan.”
3	Potongan Gaji (<i>Salary Deduction</i>)	Dalam kes tertentu, pembayaran dibuat melalui potongan gaji bulanan dengan persetujuan pihak-pihak atau arahan mahkamah.	Diamalkan bagi memastikan bayaran mut'ah berterusan dan mengelakkan tunggakan. Dirujuk dalam amalan pentadbiran Mahkamah Syariah WP.
4	Bayaran Bertempoh (<i>Deferred Payment</i>)	Dibenarkan jika suami memohon penangguhan bayaran sementara, contohnya dalam keadaan hilang pekerjaan. Tempoh diberi atas budi bicara hakim.	Berdasarkan pandangan Tuan Mohd Amir, “hakim boleh beri tempoh kelonggaran jika wujud kesukaran sementara.”
5	Penguatkuasaan Hutang (<i>Debt Enforcement</i>)	Sekiranya bayaran mut'ah tidak disempurnakan dalam tempoh ditetapkan, tunggakan dikira sebagai hutang dan boleh dikuatkuasakan melalui prosiding.	Disahkan oleh kedua-dua informan sebagai amalan standard di bawah kaedah prosiding Mahkamah Syariah.

Maka dengan itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penentuan kadar mut'ah oleh Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dibuat melalui pertimbangan terhadap dua (02) kategori faktor utama

iaitu faktor tersurat dan faktor tersirat. Perincian bagi kedua-dua kategori faktor ini telah dihuraikan dalam Jadual 1 dan Jadual 2.

Faktor tersurat merangkumi elemen yang jelas dan boleh dibuktikan melalui dokumen serta keterangan pihak-pihak seperti tempoh perkahwinan, cara dan punca penceraian, bilangan anak, gaya hidup semasa perkahwinan, nasab isteri, sumbangan dan pengorbanan isteri serta kemampuan kewangan suami. Faktor tersirat pula menumpukan kepada pertimbangan moral dan sosial yang tidak dapat diukur secara langsung, termasuk kesan penceraian terhadap isteri, kestabilan emosi dan keperluan kebajikan berdasarkan prinsip keadilan substantif.

Selain itu, hasil kajian turut memperincikan amalan dan penguatkuasaan mut'ah di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, sebagaimana diringkaskan dalam Jadual 3 yang menunjukkan ketiadaan arahan amalan khusus serta keperluan garis panduan berbentuk persuasif bagi menyeragamkan pertimbangan hakim tanpa menyekat ijtihad.

Seterusnya, hasil temu bual dengan informan menunjukkan bahawa pelaksanaan pembayaran mut'ah dilaksanakan secara fleksibel sebagaimana dirumuskan dalam Jadual 4, sama ada melalui bayaran sekaligus, ansuran, potongan gaji, bayaran bertempoh atau penguatkuasaan hutang. Pelaksanaan ini bergantung sepenuhnya kepada kemampuan kewangan suami bagi memastikan perintah mahkamah dapat dipatuhi dan keadilan terpelihara.

Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa tiada formula khusus yang standard digunakan dalam penentuan kadar mut'ah. Keputusan adalah bersifat ijtihad dan budi bicara Hakim Syarie, berpandukan faktor-faktor tersurat dan tersirat serta mengambil kira prinsip ihsan dan masalah dalam pelaksanaan Hukum Syarak.

Perbincangan

Ketiadaan arahan amalan khusus menyebabkan variasi kuantum mut'ah antara kes yang mempunyai ciri hampir serupa. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penentuan kadar mut'ah oleh Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan melibatkan pertimbangan objektif terhadap faktor-faktor tersurat dan faktor-faktor tersirat sebagaimana diperincikan dalam Jadual 1 dan Jadual 2. Faktor tersurat merangkumi elemen yang jelas dan dapat dibuktikan, termasuk tempoh perkahwinan, cara dan punca penceraian, bilangan anak, gaya hidup pihak-pihak semasa perkahwinan, nasab isteri, sumbangan dan pengorbanan isteri serta kemampuan kewangan suami. Faktor tersirat pula menumpukan kepada dimensi moral dan sosial yang tidak kuantitatif seperti kesan penceraian terhadap isteri, kestabilan emosi, maruah dan kebajikan selepas perceraian.

Analisis ini memperkukuh bahawa peruntukan mut'ah mempunyai asas yang kukuh dalam Hukum Syarak, khususnya berlandaskan Surah al-Baqarah ayat 236 yang menetapkan kewajipan pemberian sagu hati mengikut kadar kemampuan suami. Sejajar dengan itu, keupayaan kewangan suami merupakan asas pertimbangan utama, sementara pertimbangan kehakiman terhadap kesan penceraian ke atas isteri merangkumi dimensi emosi, sosial dan pemeliharaan maruah. Dalam kerangka ini, fungsi mut'ah bukan sekadar pampasan material, malah instrumen pemulihan maruah yang menzahirkan ihsan dan maslahat terhadap bekas isteri.

Walau bagaimanapun, analisis terhadap Seksyen 56 Akta 303 membuktikan wujud jurang pelaksanaan perundangan berkaitan penentuan kadar mut'ah. Meskipun peruntukan tersebut digubal secara komprehensif, tiada parameter atau garis panduan terperinci berhubung kaedah pentaksiran kadar mut'ah. Ketiadaan instrumen penentu yang jelas membuka ruang kepada diskresi kehakiman yang meluas, lalu menatijahkan ketidakseragaman keputusan antara kes-kes dengan latar fakta hampir serupa. Perbezaan ini semakin ketara apabila dibandingkan dengan kewujudan Arahan Amalan No. 5 Tahun 2019 yang menyediakan Garis Panduan Skala Pentaksiran Jumlah Nafkah Anak, yang berperanan sebagai rujukan pentadbiran, sedangkan mut'ah masih ketiadaan panduan setara.

Sehubungan itu, garis panduan persuasif dicadangkan sebagai mekanisme “soft law” untuk memandu pertimbangan tanpa menafikan ruang ijtihad hakim. Pendekatan ini mengekalkan keadilan syarak dan prinsip keadilan kes demi kes, sambil meningkatkan kebolehjangkaan (predictability) dan kebertanggungjawaban (accountability) kehakiman. Cadangan ini turut disokong oleh informan kajian (Tuan Mohd Amir dan Tuan Dr. Ahmad Mukhlis) yang mengesahkan bahawa ketiadaan arahan amalan khusus pada masa ini telah menyumbang kepada variasi pendekatan dan keputusan.

Dari sudut pelaksanaan, dapatan turut menunjukkan bahawa amalan dan penguatkuasaan mut’ah, termasuk ketiadaan arahan amalan khusus, keperluan panduan tidak mengikat, penggunaan ansuran dengan tarikh tamat (cut-off date) serta pengiktirafan tunggakan sebagai hutang yang boleh dikuatkuasakan telah dirumuskan dalam Jadual 3. Seterusnya, Jadual 4 memperincikan kaedah pembayaran yang diamalkan secara fleksibel, sama ada bayaran sekaligus, ansuran, potongan gaji atau bayaran bertempoh, bergantung kepada kemampuan kewangan suami bagi memastikan pematuhan perintah. Kedua-dua jadual ini mengoperasikan dapatan tematik menjadi amalan pentadbiran yang tersusun.

Berdasarkan pertimbangan di atas, kajian ini menjustifikasikan bahawa pindaan langsung Seksyen 56 adalah tidak wajar kerana berisiko mengehadkan ijtihad dan menyekat pertimbangan menyeluruh terhadap kekhususan setiap kes. Sebaliknya, pendekatan yang lebih seimbang ialah penggubalan satu Arahan Amalan khusus di bawah JKSM sebagai panduan rujukan yang bersifat persuasif dan tidak mengikat, yang menghuraikan secara terperinci faktor-faktor tersurat dan tersirat, jenis bukti yang relevan serta kaedah pelaksanaan dan penguatkuasaan, tanpa menetapkan skala peratusan yang tetap. Pendekatan “soft law” ini adalah paling efisien untuk menyeragamkan amalan penentuan kadar mut’ah, meningkatkan ketelusan prosedur dan memastikan keputusan kehakiman dilaksanakan secara lebih teratur, konsisten dan berkesan, selaras dengan prinsip Hukum Syarak serta berfungsi sebagai instrumen perlindungan hak wanita pasca perceraian.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, meskipun Akta 303 menjamin hak mut’ah kepada isteri yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut, ketiadaan parameter atau garis panduan yang jelas berhubung kaedah penentuan kadar telah menimbulkan cabaran ketara dari sudut pelaksanaan. Hasil kajian memperlihatkan bahawa penentuan kadar mut’ah di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan berasaskan kepada kategori faktor iaitu faktor tersurat dan faktor tersirat sebagaimana dihuraikan dalam Jadual 1 dan Jadual 2. Faktor tersurat merangkumi elemen yang jelas dan boleh dibuktikan seperti tempoh dan keadaan perkahwinan, cara dan punca perceraian, bilangan anak, gaya hidup semasa perkahwinan, nasab isteri, sumbangan dan pengorbanan isteri serta kemampuan dan komitmen kewangan suami. Faktor tersirat pula menumpukan kepada pertimbangan moral dan sosial, khususnya kesan perceraian terhadap isteri, pemeliharaan maruah serta keadilan substantif berdasarkan fakta kes.

Analisis turut mengesahkan bahawa proses penentuan kadar mut’ah lebih bergantung kepada kebijaksanaan serta budi bicara Hakim Syarie, yang seterusnya menyumbang kepada kepelbagaian keputusan meskipun latar fakta kes hampir serupa. Kebergantungan ini selari dengan asas Hukum Syarak yang menekankan pemberian sagu hati berdasarkan kemampuan suami. Namun, dalam ketiadaan panduan pentadbiran yang seragam, variasi keputusan sukar dielakkan.

Dari sudut pelaksanaan, amalan kehakiman semasa yang dirumuskan dalam Jadual 3 menunjukkan ketiadaan arahan amalan khusus, keperluan kepada panduan tidak mengikat untuk membantu penyeragaman, penggunaan ansuran dengan tarikh tamat serta pengiktirafan tunggakan sebagai hutang yang boleh dikuatkuasakan. Perincian kaedah pembayaran yang dihipunkan dalam Jadual 4 iaitu bayaran sekaligus, ansuran, potongan gaji dan bayaran bertempoh, menunjukkan fleksibiliti pelaksanaan yang disesuaikan dengan kemampuan kewangan bekas suami bagi memastikan pematuhan terhadap perintah mahkamah.

Seiring dengan dapatan ini, kajian menegaskan keperluan kepada suatu mekanisme penyeragaman berbentuk panduan persuasif yang menghimpunkan kriteria dan tatacara penilaian kadar mut’ah, tanpa

menafikan ruang ijtihad hakim terhadap kekhususan setiap kes. Langkah sedemikian dijangka meningkatkan kebolehjangkaan keputusan dan kebertanggungjawaban kehakiman, seterusnya menyokong pelaksanaan keputusan yang lebih teratur, konsisten dan berkesan selaras dengan prinsip-prinsip Hukum Syarak serta memperkukuh perlindungan hak wanita selepas perceraian.

Rujukan

- Abdul Halim, Z. (2019). Konsep muta'ah dalam Islam dan pelaksanaannya di Malaysia. *Legal Network Series*, 1 LNS(A) xviii, 1–14.
- Ahmad Mukhlis, A. M. (2025, September 3). Temu bual separa berstruktur mengenai penentuan kadar mut'ah di MSWP. Ketua Seksyen Sulh, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. [Telefon/Google Meet].
- Al-Quran. (n.d.). Surah al-Baqarah, 2:236.
- Aminah binti Mohktar v Zakaria bin Yahya [2009] 2 JH 181.
- Faridah Sulaiman v Mohd Noh Othman [2005] 1 JH 124.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2019). Arahan Amalan No. 5 Tahun 2019: Garis Panduan Skala Pentaksiran Jumlah Nafkah Anak. Putrajaya: JKSM.
- Malaysia. (1984). Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303). Kuala Lumpur: Laws of Malaysia.
- Melior bt Ripin v Mohd Najuib b Abu Hasan (Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, 2020).
- Mohd Amir, M. A. (2025, Ogos 28). Temu bual separa berstruktur mengenai amalan & penguatkuasaan mut'ah di MSWP. Pendaftar Seksyen Pengurusan Kes, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. [Telefon/Google Meet].
- Mohd Sabree Nasri, Mohd Shauqi Saiful Suhardi, & Mohamad Afandi Md Ismail. (2020). Hak isteri selepas perceraian menurut undang-undang keluarga Islam di Malaysia: Analisis faktor penghalang memperolehnya. *Journal of Law & Governance*, 3(1), 42–58.
- Piah binti Daud v Syed Abdullah bin Syed Abu Bakar (Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, 2007).
- Syed Farouk Azlan Syed Abdul Aziz v Rooseliwati Hussein (Mahkamah Syariah, 2015).